

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

AL-ARIYAH

Maksud : pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma.
Ciri-ciri : hak pemilikan ke atas barang tersebut masih kekal pada pemberi pinjaman dan peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaian adalah berpunca daripada peminjam sendiri.

Pemulangan semula : barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut.

Contoh : kereta.

AL-QARD

Maksud : pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan.

Ciri-ciri : pinjaman yang dibayar balik kepada pemutang tanpa syarat keuntungan.

Pemulangan semula : peminjam hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal.

Contoh : pinjaman wang.

DEFINISI AL-QARD

- Bahasa : Al-qat'u(potong).
- Istilah : penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

RUKUN AL-QARD

- a) Pemutang.
 - Seorang ahli tabarru yang boleh menguruskan harta, berurus niaga dan memiliki harta tersebut.
 - Tiada unsur paksaan (redha).
- b) Penghutang.
 - Bukan seorang yang mahjur 'alaih kerana safih, orang gila atau kanak-kanak. Bagi kanak-kanak dan anak-anak yatim, mereka harus meminjam sekiranya mempunyai wali yang boleh menguruskannya.
 - Tiada unsur paksaan (redha).
 - Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.
- c) Barang yang dipinjam.
 - Fuqaha' mazhab Hanafi mengatakan sah berhutang barang-barang mithli iaitu yang boleh disukat, ditimbang dan dibilang dan mempunyai saiz yang hampir serupa seperti wang, telur, buah kelapa dan sebagainya.
 - Fuqaha' mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali mengatakan harus diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukat atau ditimbang seperti emas, perak dan makanan termasuk barang-barang qimiy seperti batu permata. Walaubagaimanapun, pandangan yang asah/ rajih mengatakan barang-barang yang jarang atau sukar atau tidak boleh dipulangkan seperti batu permata adalah tidak sah dijadikan hutang.
- d) Sighah.
 - Lafaz ijab dan qabul yang membawa maksud pemberian pinjaman dan hutang.

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

- Maksud : pinjaman yang baik.
- Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.
- Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada sifat toleransi dan prihatin peminjam yang boleh memberikan saguhati berbentuk wang kepada pemutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemutang kerana memberikan bantuan dalam keadaan terdesak.
- Hukum adalah **SUNAT**.

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat.
3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.

AI-QARD AL-HASAN INSTRUMEN SOSIO-EKONOMI UMMAH

- Amanah Ikhtiar Malaysia dan beberapa koperasi Islam di negara ini merupakan agensi yang menawarkan skim pinjaman secara qard hasan dan pemantauan yang berterusan oleh pihak berkenaan kepada peminjam bagi memastikan bayaran pinjaman dilunaskan pada kadar dan tempoh yang telah dipersetujui bersama.
- Skim pajak gadai Islam atau al-rahnu di Malaysia yang ditawarkan oleh koperasi dan bank juga menggunakan prinsip qard hasan iaitu tiada dikenakan sebarang kadar faedah.



By Azri
cheatography.com/azri/

Published 6th January, 2021.
Last updated 7th January, 2021.
Page 1 of 1.

Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
<https://apollopad.com>